



MESRA... Dr Kassim (tengah) berbual mesra dengan Dr Muhiddin (dua kanan) pada majlis pelancaran itu.

## Program Semega UMS bimbang pelajar luar bandar

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memainkan peranannya dalam memacu kecemerlangan pendidikan di negeri ini. Dalam usaha itu, UMS melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah melaksanakan Program Selangkah ke Menara Gading (Semega) ke beberapa daerah di sekitar Sabah secara berperingkat-peringkat.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNCHEP), Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur berkata, program Semega jelajah daerah yang julung kali diadakan pada tahun ini bertujuan menyampaikan pelbagai maklumat kepada para pelajar sekolah khususnya pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

"Pada program ini kita menyediakan bantuan khidmat nasihat dan bimbangan kaunseling supaya pelajar di luar bandar mengetahui tatacara untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti. Ini kerana ramai di antara mereka yang masih kurang jelas terutama berkaitan dengan bantuan kewangan seperti biasiswa dan pinjaman yang ditawarkan untuk pembiayaan mereka semasa menuntut di IPTA," katanya.

Tambah beliau, melalui program ini ia juga sekaligus akan membantu menerangkan kepada para pelajar mengenai aplikasi permohonan kemasukan ke IPTA yang kini seratus-peratus diadakan secara on-line.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Semega di Sandakan Sabah pada 20 Mac 2010.

Hadir sama Pengarah Pelajaran Negeri Sabah, Dr. Hj. Muhiddin Yassin, Wakil Presiden Majlis Perbandaran Sandakan Asmail Amat dan Wakil Pegawai Pendidikan Daerah Sandakan, Sharif Mahada Sharif Afar.

Kasim berkata, ramai pelajar lepasan SPM dan STPM di luar bandar mengambil keputusan untuk tidak meneruskan pembelajaran ke peringkat IPTA kerana kurangnya pengetahuan mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan di universiti.

"Mereka yang berasal dari golongan miskin merasa tidak mampu akibat kekurangan sumber kewangan dan pelbagai masalah lain yang sebenarnya boleh diatasi."

"Menyedari hal ini, UMS telah berinisiatif untuk melaksanakan program Semega ke daerah-daerah di luar bandar ini bagi memberi penjelasan sekaligus membuka mata para pelajar agar merebut setiap peluang dan mengetahui kemudahan yang sudah tersedia khas untuk mereka di universiti khususnya di UMS," tambahnya.

Program Semega telah diadakan bermula pada 13 Mac 2010 dan terbahagi kepada tiga zon yang melibatkan seluruh daerah luar bandar di negeri Sabah.